

Media Title : Utusan Malaysia  
Headline : Warga emas jadi mangsa 'pegawai NSRC', hampir RM600,000 lesap  
Date : 20 June 2024  
Section : Dalam Negeri  
Page : 10



# Warga emas jadi mangsa 'pegawai NSRC', hampir RM600,000 lesap

**JOHOR BAHRU:** Seorang warga emas berputih mata apabila wang simpanannya berjumlah RM584,000 lesap ditipu oleh 'pegawai Pusat Respons Scam Kebangsaan' (NSRC), bulan lalu.

Ketua Polis Johor, Komisioner M. Kumar berkata, pihaknya menerima aduan daripada mangsa yang berusia 70 tahun itu pada Isnin lalu.

Katanya, mangsa telah mene-

rima panggilan daripada seorang individu yang mendakwa dirinya 'pegawai NSRC' mengatakan mangsa terlibat dengan jenayah penipuan.

"Mangsa kemudiannya telah dihubungi seorang pegawai polis yang memaklumkan terdapat satu akaun bank yang telah dibuka atas nama mangsa, namun dinafikannya.

"Walau bagaimanapun, suspek

telah berjaya meyakinkan mangsa untuk memberikan semua butiran akaun bank untuk tujuan siasatan dan mengikut segala arahan yang diberikan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mangsa diminta untuk meletakkan salah satu kad ATM dan nombor pin miliknya di lokasi yang diarahkan.

"Seterusnya, mangsa diarahkan untuk membuat pindahan

wang ke beberapa akaun bank sehingga hampir RM600,000 untuk tujuan siasatan.

"Pengadu telah membuat se-makan dan mendapat wang yang diserahkan kepada suspek telah berkurangan sebanyak RM584,000 dan berlaku transaksi pengeluaran wang melalui ATM dan pindahan wang atas penama yang tidak dikenali," katanya.

Pengadu mengesyaki telah

ditipu dan seterusnya membuat laporan polis dan kes disiasat di bawah mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan menipu.

Kumar mengingatkan orang ramai bahawa NSRC hanya berfungsi sebagai pusat yang hanya menerima panggilan daripada orang ramai dan panggilan yang mendakwa daripada pihak NSRC adalah penipuan.